



Keterangan gambar: Batik 1 - Baju batik lelaki yang mempunyai pelbagai corak

PERANAN BATIK DALAM MASYARAKAT MELAYU

Oleh Ramli Ismail

Batik memainkan peranan yang amat penting dalam masyarakat Melayu. Dalam amalan biasa, kain batik sememangnya menjadi pakaian utama kepada kaum wanita Melayu. Ia dipakai sejak zaman dahulu lagi. Ketika itu ada kain batik sarung dan ada kain batik panjang. Kain batik sarung selalunya dipakai bersama baju kurung Kedah atau kurung biasa ataupun kebaya labuh, sementara batik panjang pula selalunya dipakai bersama baju kebaya singkat. Pada masa itu, anak-anak gadis Melayu yang memakai kain batik serba lengkap dilihat begitu manis sekali. Kain batik mempunyai berbagai corak dan warna. Justeru para pemakainya akan memilih warna yang sesuai dengan warna kulit mereka. Kain batik

bukan sahaja digunakan oleh kaum wanita, malah kaum lelaki juga turut mempunyai ruang untuk menggunakan kain tersebut. Bagaimanapun kaum lelaki tidak memakai kain batik, sebaliknya mereka menggunakan kain batik untuk dibuat tengkolok dan dipakai semasa menyertai temasya silat di hadapan pengantin atau seumpamanya. Dengan perkembangan semasa sekarang, kain batik tidak lagi dijadikan pakaian harian kaum wanita untuk ke bandar atau menghadiri majlis-majlis. Kalau dipakaipun, ia hanya dipakai semasa seseorang wanita itu berada di rumah. Kata orang, dijadikan batik basah sahaja. Sungguhpun begitu kain batik tetap mempunyai fungsinya tersendiri pada masa sekarang. Sebagai langkah untuk menghidupkan industri batik negara, kerajaan telah membuat ketetapan supaya batik dijadikan pakaian rasmi pada majlis-majlis tertentu. Syarat serupa turut digunapakai di sekolah-sekolah.

Di samping itu ditetapkan juga baju batik dipakai pada majlis-majlis rasmi yang dihadiri oleh orang-orang kenamaan seperti majlis jamuan makan malam, majlis-majlis perasmian tertentu ataupun majlis meraikan kunjungan para pembesar negara. Malah sejak beberapa tahun lalu, kerajaan telah menetapkan baju batik mesti dipakai oleh kakitangan kerajaan pada setiap hari Khamis semasa mereka datang ke pejabat. Dengan pendekatan ini dapat dilihat bagaimana besarnya peranan batik di kalangan masyarakat bukan sahaja kepada orang Melayu, tetapi juga semua kaum di Malaysia. Kalau pihak penganjur sesuatu majlis menetapkan syarat pakaian batik bagi setiap tetamu yang diundang ke majlis berkenaan, jika mereka yang datang ke majlis tanpa memakai baju tersebut, terasa kekuk untuk masuk ke majlis, malah merasakan adalah lebih baik mereka pulang sahaja ke rumah daripada terus memasuki majlis. Begitulah besarnya peranan batik tersebut. Tanpa mengira kaum dan pangkat, seseorang yang diwajibkan memakai batik sanggup meninggalkan majlis jika mendapati hanya dia seorang yang hadir tanpa memakai baju berkenaan. Malah jika ianya merupakan majlis rasmi kerajaan, pihak protokol boleh mengarahkan seseorang yang hadir tanpa memakai batik pulang menukar pakaian batik terlebih dahulu.

Sementara itu peranan kain batik masih tetap digunakan dari dahulu hingga sekarang sebagai penutup jenazah.

Selalunya kain batik yang digunakan bagi tujuan tersebut ialah kain batik panjang kerana ia lebih sesuai untuk dihampar menutupi jenazah sebelum jenazah dikapan dengan kain putih.

Rujukan:

1. Mak Tijah pengandam pengantin
2. Makcik Nerat Senapi

